

DR. MOHD. Harun (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Prof. Chou (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said (kiri sekali) dan Pengarah IPMB, Prof. Dr. Saleem Mustafa.



MoU IPMB, UMS dijangka mantapkan lagi pengurusan ekosistem marin di Sabah

OLEH BALQIS JAMALUDIN
(balqis@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Perjanjian persefahaman (MoU) yang termeterai antara Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Nasional Singapura (NUS) dijangka dapat membantu memantapkan lagi pengurusan ekosistem marin di negeri ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, kehadiran pelajar NUS yang akan melakukan penyelidikan di negeri ini dapat membantu dalam pengumpulan data dan sintesis dalam ilmu baru yang akan menyumbang kepada pengurusan dan pemuliharaan yang berterusan terhadap sumber semula jadi.

“Bidang pengurusan ekosistem marin amat penting untuk diterokai kini atas kesedaran terhadap kesan buruk yang dihadapi akibat perubahan cuaca seperti pengasidan laut,” katanya di Majlis Menandatangani MoU Antara UMS dan NUS, di Bangunan Canselori, UMS, di sini, kelmarin.

Katanya, aktiviti menyenaraikan spesies habitat pantai dan marin dan mengenal pasti lokasi yang mudah terjejas sangat penting dalam menyediakan strategi untuk menghadapi perubahan cuaca dan

tindakan manipulasi oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dalam pada itu, dengan termeterainya MoU ini pihak IPMB akan menyediakan input bagi kursus modular Persekitaran Pantai (Coastal Environment) di mana UMS akan menjadi lokasi penyelidikan oleh pelajar-pelajar NUS, katanya.

Selain itu, MoU ini membuktikan kekuatan yang dimiliki oleh UMS bahawa bidang marin dan maritim, katanya.

“Jika UMS tiada kekuatan dalam bidang ini mana mungkin NUS yang merupakan salah sebuah Universiti yang terkemuka di Asia sanggup datang ke sini untuk mengadakan MoU ini,” katanya.

Juga, pertalian yang produktif diharapkan dapat dihasilkan melalui MoU antara kedua-dua Institusi Pendidikan Tinggi ini katanya.

Katanya, MoU ini juga akan menjana pengetahuan yang relevan untuk Malaysia dan Singapura memandangkan kedua-dua Negara yang berjiran ini memiliki ekosistem tropika yang sama.

“Kos, masa dan sumber untuk mendapatkan hasil yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dapat dijimatkan apabila pakar akademik kedua-dua negara jiran ini bergabung untuk mencapai kepentingan bersama,” katanya.

Selain dari membuka mata dunia mengenai kewujudan UMS, MoU ini juga diharapkan dapat membuka peluang dan ruang kepada UMS untuk meningkatkan lagi kemasukan pelajar antarabangsa, katanya.

Sementara itu, Pengarah Sarjana Muda Program Pengajian Alam Sekitar, NUS, Prof. Chou Loke Ming, berkata, sebagai permulaan pihaknya akan memulakan pengajian bagi kursus modular Persekitaran Pantai pada musim cuti panjang di Singapura pada tahun hadapan.

“Kursus ini mengandungi tempoh pengajian secara online selama tiga minggu manakala selama tiga minggu lagi para pelajar akan melalui pembelajaran di tapak lokasi yang terpilih di Sabah,” katanya.

Dalam pada itu katanya, NUS memilih untuk bekerjasama dengan UMS kerana menyedari bahawa IPMB di UMS merupakan sebuah institut yang memiliki kemajuan dalam bidang sains marin dan akuakultural yang dapat memberi banyak ilmu pengetahuan kepada pelajar NUS.

Katanya, sebagai permulaan NUS akan memfokuskan kepada kelestarian pantai di mana bidang ini amat penting untuk diterokai memandangkan 70 peratus populasi Asia Tenggara tinggal di pesisiran pantai.